

# Nik Aziz sokong ketegasan

## PM

BH 21 JAN 2002

KOTA BHARU, Ahad - Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nii Mat menyokong ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghantar pulang pekerja asing yang menimbulkan kacau-bilau di negara ini.

Katanya, rakyat asing yang gagal menghormati dan mematuhi peraturan negara tidak wajar untuk terus tinggal di Malaysia, walaupun bekerja.

"Dia (pekerja asing) datang ke negara kita untuk mencari rezeki dan sebagai tetamu, dia kena patuh undang-undang kita. Tidak patutlah hendak terbalikkan kereta polis atau bakar sana sini.

"Kalau hendak cari makan di sini, carilah tapi jangan sampai melanggar undang-undang Malaysia. Saya sokong Dr Mahathir suruh mereka yang timbulkan masalah ini dihalau pulang ke negara asal.

"Kerajaan sudah beri peluang kepada mereka bekerja, mereka merusuh dan rosakan harta benda. Elok sangatlah kalau disuruh pulang," katanya, kepada pemberita selepas taklimat Kumpulan Pertanian Kelantan (KPK), di sini hari ini.

Kelmarin, Perdana Menteri meminta pekerja asing di negara ini pulang ke negara asal jika berpendapat Malaysia tidak sesuai untuk mereka.